

Bekalan makanan utama mencukupi

Pengguna diminta tidak bimbang berikutan Perintah Kawalan Pergerakan

PUTRAJAYA

Bekalan makanan bagi kumpulan makanan utama termasuk beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bekalan itu ditampung melalui pengeluaran domestik, import dan stok bekalan.

Menurutnya, kedudukan stok beras dalam pasaran sekitar ini pada tahap 500,000 tan metrik.

“Kerajaan melalui senarai pengecualian di bawah Perintah Kawalan Pergerakan membenarkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran termasuk eksport



Ronald (tiga dari kiri) membuat tinjauan ke MyFarm Outlet di Putrajaya dan Kilang beras YHL Trading Sdn Bhd di Semenyih semalam.

Sdn Bhd di Semenyih bagi memastikan bekalan makanan dalam pasaran mencukupi malam.

Ronald berkata, proses pembekalan daripada pemborong kepada peringkat peruncitan masih berjalan seperti sedia kala dan orang ramai dinasihatkan supaya tidak

membuat pembelian panik dan *stockpiling* bahan makanan secara berlebihan.

Katanya, penyampaian perkhidmatan Kementerian kepada kumpulan sasar juga tetap diteruskan seperti biasa terutama di barisan hadapan seperti perkhidmatan pengembangan, biosekuriti, pemeriksaan

dan kuarantin makanan.

“Kementerian akan terus memantau dan bekerjasama dengan pihak pengeluar dan pengedar bagi memastikan supply bekalan makanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi memastikan keperluan bekalan makanan tersedia,” kata beliau.